

**SOALAN NO. :22**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN :**

**DARIPADA :** **Tuan Chong  
Chieng Jen  
[Bandar Kuching]**

**TARIKH :** **3 November 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah tindakan kerajaan berikut Mahkamah Indonesia menyabitkan kesalahan dua pegawai mewakili syarikat milik Kuala Lumpur Kepong Berhad (KLK) atas kelalaian dan pencemaran jerebu besar-besaran yang mempengaruhi jutaan rakyat Indonesia, Malaysia dan Singapura antara Jun hingga Ogos 2013.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Malaysia berpegang teguh kepada prinsip undang-undang bahawa **tiada seorang pun yang mengatasi undang-undang (no one is above the law)**.

Dalam hal ini, Kerajaan Indonesia berhak mengambil tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan ke atas mana-mana syarikat perladangan yang terlibat berasaskan undang-undang Indonesia sekiranya terbukti benar mereka terlibat dalam aktiviti membakar hutan dan tanah gambut.

Sekian, terima kasih.